

**D.R. 20/2004**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1. (1)** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Pindaan seksyen 6**

**2.** Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [Akta 589], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam perenggan 6(b) dengan menggantikan perkataan "seorang anggota" dengan perkataan "tiga orang anggota".

**Pindaan seksyen 10****3. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "yang tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun" dengan perkataan "dua tahun"; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "dua tempoh berturut-turut" dengan perkataan "lima tempoh".

**Pindaan seksyen 39****4. Seksyen 39 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
  - "(2) Walau apa pun subseksyen (1), Kumpulan Wang boleh dibelanjakan bagi maksud—
  - (a) melaksanakan apa-apa projek yang dikenal pasti oleh Menteri bagi meningkatkan capaian kepada perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi atau kedua-duanya oleh masyarakat; dan
  - (b) menyumbang kepada apa-apa akaun atau dana yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi maksud yang selaras dengan matlamat dan tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 3 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998."

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ("Akta 589")-

- 2. *Fasal I* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta -yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 6(b) Akta 589 bagi menambah bilangan anggota Suruhanjaya yang mewakili Kerajaan menjadi tiga orang anggota.

4. Di bawah seksyen 10 Akta 589, seseorang anggota Suruhanjaya tidak boleh memegang jawatan selama lebih daripada dua tempoh berturut-turut. Sesuatu tempoh berbeza-beza panjangnya antara dua tahun hingga lima tahun. Di bawah pindaan kepada seksyen 10 sebagaimana yang dicadangkan dalam *fasal 3*, seseorang anggota Suruhanjaya akan dapat memegang jawatan sehingga maksimum lima tempoh, setiap satu tempoh sepanjang dua tahun.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 589 bagi membenarkan wang daripada Kumpulan Wang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dibelanjakan bagi maksud melaksanakan apa-apa projek yang dikenal pasti oleh Menteri bagi meningkatkan capaian kepada perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi atau kedua-duanya oleh masyarakat dan menyumbang kepada apa-apa akaun atau dana yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi maksud yang selaras dengan matlamat dan tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 3 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2336]

A BILL

*i n t i t u l e d*

An Act to amend the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998.

**ENACTED** by the Parliament of Malaysia as follows:

**Short title and commencement**

**1. (1)** This Act may be cited as the Malaysian Communications and Multimedia Commission (Amendment) Act 2004.

(2) This Act comes into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*, and the Minister may appoint different dates for the coming into operation of different provisions of this Act.

**Amendment of section 6**

**2.** The Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 [*Act 589*], which is referred to as the "principal Act" in this Act, is amended in paragraph 6(*b*) by substituting for the words "one member" the words "three members".

**Amendment of section 10**

3. Section 10 of the principal Act is amended —
- (a) in subsection (1), by substituting for the words "not less than two years but not more than five years" the words "two years"; and
  - (b) in subsection (2), by substituting for the words "two successive terms" the words "five terms".

**Amendment of section 39**

4. Section 39 of the principal Act is amended —
- (a) in the national language text, by renumbering the existing section as subsection (1) of that section; and
  - (b) by inserting after subsection (1) the following subsection:
    - "(2) Notwithstanding subsection (1), the Fund may be expended for the purpose of—
      - (a) implementing any projects to be identified by the Minister to increase the access to network services or applications services or both by the community; and
      - (b) contributing to any account or fund established by the Government for purposes which are consistent with the objects and objectives set out in section 3 of the Communications and Multimedia Act 1998."

---

**EXPLANATORY STATEMENT**

This Bill seeks to amend the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 ("Act 589").

- 2. *Clause 1* contains the short title and provision on the commencement of the proposed Act.
- 3. *Clause 2* seeks to amend paragraph 6(b) of Act 589 to increase the number of members of the Commission representing the Government to three members.

*Malaysian Communications and Multimedia  
Commission (Amendment)*

3

4. Under section 10 of Act 589, a member of the Commission cannot hold office for more than two successive terms. A term varies in length from two to five years. Under the amendment to section 10 as proposed in *clause 3*, a member of the Commission will be able to hold office for a maximum of five terms of two years each.

5. *Clause 4* seeks to amend section 39 of Act 589 to allow money from the Malaysian Communications and Multimedia Commission Fund to be expended for the purpose of implementing any projects to be identified by the Minister to increase access to network services or applications services or both by the community and contributing to any account or fund established by the Government for purposes which are consistent with the objects and objectives set out in section 3 of the Communications and Multimedia Act 1998.

*FINANCIAL IMPLICATIONS*

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

[PN(U2)2336]